

17/05/2005

Palestin-Lawatan

LAWATAN KE PALESTIN BERGANTUNG KEPADA KEBENARAN ISRAEL

PUTRAJAYA, 17 Mei (Bernama) -- Rakyat Malaysia boleh melawat Palestin jika mereka dibenarkan memasuki wilayah yang diduduki dan dikawal Israel di pintu-pintu masuk, kata seorang pegawai Wisma Putra hari ini.

"Saya boleh katakan bahawa orang Palestin mengalu-ngalukan kedatangan mereka yang melawat mereka untuk melihat sendiri penderitaan orang Palestin di bawah penaklukan Israel.

"Tetapi ia semua bergantung kepada kebenaran daripada Israel sebelum seseorang itu dapat memasuki Palestin," kata beliau memberitahu Bernama di sini.

Pegawai itu berkata lawatan seperti itu, bagaimanapun tidak bermakna Malaysia mengiktiraf negara Yahudi itu.

Semalam, kerajaan Israel tidak membenarkan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad daripada memasuki Baitulmuqaddis semasa beliau melawat Tebing Barat.

Laporan dari bandar Ramallah, Tebing Barat menyebut beliau sebagai berkata bahawa beliau melawat Tebing Barat sebagai tanda perpaduan dengan penduduk Palestin.

Dr Mahathir mengakui bahawa adalah tidak mudah melawat Palestin kerana beliau terpaksa menghadapi kelewatan dan tidak dibenarkan ke Baitulmuqaddis, tempat terletaknya Masjid Al-Aqsa, masjid suci Islam ketiga selepas Masjidil Haram di Mekah dan Masjid Nabawi di Madinah.

Beliau juga dilarang melawat bandar Jenin di bahagian utara Tebing Barat untuk melihat sendiri kemusnahan yang dilakukan Israel berikutan dengan pemberontakan penduduk Palestin sejak bertahun-tahun lamanya.

Dr Mahathir telah menimbulkan kemarahan kepada kaum Yahudi apabila beliau mengatakan sebelum bersara pada 2003 bahawa mereka memerintah dunia secara proksi dengan mengambil orang lain berjuang dan mati untuk mereka.

Malaysia tidak ada hubungan diplomatik dengan Israel dan secara menyokong kuat pencarian satu negara bagi orang Palestin.

Pegawai itu berkata Wisma Putra menunggu laporan daripada Kedutaan Palestin di sini yang akan mengemukakan butir-butir lanjut mengenai insiden sebenarnya.

-- BERNAMA

MAM BK